PEMULIHAN : MORFOLOGI SPM

Disediakan oleh Cikgu Rozita, SMK Mengkuang

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tujuh kata nama am**, *dan* **tujuh kata nama terbitan**. *Rujuk perkataan yang ditulis* **condong** *atau* **ditebalkan** *untuk menentukan kata nama am atau kata nama terbitan. Kenal pasti jenis-jenis kata tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun perkataan tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangkau kedudukannya. Perkataan yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki* **membina satu ayat** *anda sendiri bagi* **enam perkataan** *yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda* **tidak boleh** *menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Penggunaan *robot* sebagai **pengesan** dalam **pertanian** bukan sahaja mampu menentukan **keadaan** *cuaca*, malahan berupaya memaklumkan *jumlah air* yang diperlukan oleh **tanaman**. Robot ini kemudiannya memaklumkan *data* tersebut kepada robot lain. Selepas itu, robot lain pula akan menghasilkan *nutrien* tertentu mengikut **bacaan** robot pengesan tadi bagi menjadikan tanaman lebih terpelihara dan lebih hebat apabila tindakan ini dilakukan setiap *saat* tanpa henti dalam **setahun**.

(20 markah)

Kata Nama Am	Kata Nama Terbitan
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.
6.	6.
7.	7.

Membina Ayat

1. Bumi mengalami empat musim akibat perubahan _____.

2. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mengumpulkan _____ tentang pesakit Covid.

3. Negara Afrika sukar menjalankan aktiviti _____ kerana cuaca yang ekstrem di sana.

4. Dari setahun ke _____ Enziana masih tidak dapat membayar hutangnya.

5. Manusia perlu mengambil _____ yang seimbang dalam pemakanan seharian.

6. Pihak polis meletakkan alat _____ kelajuan di beberapa tempat di lebuh raya.

LIVEWORKSHEETS